



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

15 Jun 2019

1. Penjara 15 bulan kes jerut kucing sampai mati; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Mahkamah		M/SURAT: <input type="text" value="16"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
15.6.2019			

Penjara 15 bulan kes jerut kucing sampai mati

Kuala Lumpur: Tindakan kejam seorang lelaki membunuh kucing dengan menjerut haiwan itu menerima balasan setimpal apabila dihukum penjara 15 bulan oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

Hakim, Rohatul Akmar Abdul menjatuhkan hukuman itu terhadap Al Azrin Norhisham, 28, selepas tertuduh mengaku bersalah melakukan perbuatan itu.

Rohatul memerintahkan tertuduh yang juga pekerja gerai makan menjalani hukuman penjara itu bermula semalam.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Al Azrin didakwa menyebabkan kesakitan atau penderitaan terhadap seekor kucing

jantan di tangga Blok A3, Jalan 4/27a, Seksyen 2, Wangsa Maju Setapak, di sini, jam 1.30 tengah hari, pada 10 Jun lalu.

Pendakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (akta 772) dan sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon dikenakan hukuman ringan dengan alasan dia dicakar kucing berkenaan.

"Kucing itu gigit tangan saya sehingga berlubang, jadi saya tangkap dan menggantungnya.

"Saya mohon hukuman diringankan kerana saya anak ya-

tim piatu," katanya.

Kesalahan jenayah

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Mohd Ashif, membantah rayuan itu dan memohon hukuman berbentuk pencegahan dikenakan terhadap tertuduh.

"Perbuatan itu kesalahan jenayah dan satu bentuk penzaliman terhadap benda hidup yang dalam kes ini membabitkan seekor kucing.

"Mahkamah juga perlu mengambil kira faktor kepentingan awam yang mendapat liputan meluas dalam media sosial bagi memberi pengajaran terhadap orang awam dan tertuduh," katanya.



Al Azrin Norhisham

Sebelum ini, media melaporkan seekor kucing jantan ditemui tergantung dengan tali pada tangga di blok pangsapuri berkenaan.

Bangkai haiwan malang itu ditemui jiran pemilik kucing terbabit kira-kira jam 2 petang Rabu lalu.